

22/04/2000

Prestasi ASM dijangka lebih baik

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB), pengurus saham amanah terbesar tempatan menjangkakan prestasi Amanah Saham Malaysia (ASM) dari segi langganan lebih baik berbanding unit amanah lain yang diuruskannya.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman, berkata PNB bagaimanapun tidak meletakkan sebarang sasaran sebanyak mana unit saham amanah terbaru itu mampu dijual untuk tahun pertama pelancarannya.

"Amanah Saham Nasional pada tahun pertama pelancarannya mencatat langganan bernilai RM600 juta, manakala Amanah Saham Wawasan 2020 mencatat langganan bernilai RM1.8 bilion selepas tiga tahun dilancarkan".

Beliau berkata kelebihan ASM yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin kerana saham amanah terbaru itu boleh mula dibeli untuk bayi berusia enam bulan.

(END)